

Jangan beli jika barang naik harga

LANGKAWI, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata negara akan menghadapi masalah inflasi jika rakyat membeli barangan dari negara asing yang menghadapi inflasi.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan rakyat hanya berbelanja mengikut keperluan.

Menurutnya, kerajaan, terutama Bank Negara mempunyai tugas penting membendung inflasi.

Antara langkah yang diambil oleh Bank Negara selama ini ialah menaikkan kadar faedah pinjaman bagi mengurangkan permintaan barangan import.

"Tetapi, yang penting, ialah rakyat sendiri mesti sanggup tidak membeli barangan yang naik harga," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas dua pakej kewangan baru untuk mengawal inflasi yang diumumkan oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaafar Hussein, di Kuala Lumpur, semalam.

Semalam, Tan Sri Jaafar mengumumkan dua pakej kewangan baru membabitkan

Simpanan Wajib Berkanun (SRR) dan Pinjaman Sewa Beli Kenderaan, bagi mengurangkan pertumbuhan wang dan perbelanjaan pengguna dan mengawal inflasi, berkuatkuasa hari ini dan esok.

Perdana Menteri berkata, menerusi langkah itu, rakyat akan mempunyai cukup wang untuk berbelanja.

"Kita beli kalau ada duit, kalau tak ada, tidak usah beli. Kalau ada yang jual terlalu mahal, kita cari tempat yang murah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua jabatan kerajaan negeri di Pejabat Daerah, Kuah, di sini, hari ini.

Mengulas langkah Bank Negara mewajibkan semua syarikat kewangan mengetatkan syarat keperluan mendapatkan pinjaman sewa beli bagi kenderaan bermotor, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Kita tidak mahu orang berhutang untuk beli Proton Saga. Walaupun mungkin jualan Proton Saga laku, tetapi pada keseluruhannya, apabila inflasi berlaku, kita akan kerugian".

Beliau berkata, kerajaan mesti mengutamakan kepentingan ramai dan bukan satu badan saja.

"Oleh itu, kalau kita mengadakan terlalu banyak sewa beli dengan bayaran murah dan tempoh bayaran balik panjang, lebih ramai orang tidak mampu akan membeli," katanya.